

**Anwar jangka ganti Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sekitar Mei 2020**  
**AstroAwani**  
**18 September 2019**  
**Luqman Hariz,**

**KUALA LUMPUR:** Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri sekitar Mei 2020.

Dalam satu temubual bersama *Bloomberg*, Ahli Parlimen Port Dickson itu bagaimanapun berkata, beliau tidak akan terlalu cerewet mengenai tempoh tepat pengambilalihan tersebut.

“Ada kesefahaman bahawa ianya akan berlaku sekitar waktu itu, tetapi saya fikir saya tak perlu terlampau cerewet bulan berapa,” katanya.

Anwar menambah, kesefahaman yang telah dipersetujui secara konsensus adalah Tun Dr Mahathir Mohamad akan meletakkan jawatan dan beliau akan mengambil alih selaku Perdana Menteri ke-8.

Sebelum ini, sebagai sebahagian persetujuan sebelum Pilihanraya Umum Ke-14 pada Mei 2018, Dr Mahathir memberikan komitmen bahawa beliau akan memegang jawatan nombor satu negara itu hanya sekitar dua tahun.

Anwar turut menafikan dakwaan wujud konspirasi untuk mengangkat Timbalan Presiden PKR dan Menteri Hal-Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Azmin Ali atau Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir menjadi Perdana Menteri yang seterusnya.

“Tiada tanda-tanda ada pihak yang mahu promosi atau melobi nama lain (untuk jawatan Perdana Menteri).

“Bagaimana, ini tidak akan menghalang sesetengah individu tertentu yang mempunyai cita-cita tersendiri.

“Tetapi pada saya ini tidak relevan. Sama ada ianya telah dibincang, atau telah disahkan sah, apa pun, jawapannya tidak,” katanya.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/anwar-jangka-ganti-dr-mahathir-sebagai-perdana-menteri-sekitar-mei-2020-217815>